

UNSUR2 YANG TELAH MENYEBABKAN KERAJAAN BRITISH MENGEMUKAKAN KESATUAN TANAH MELAYU

oleh:

Raja Ali Raja Busu,
Pelajar Tahun II,
Universiti Kebangsaan, Malaysia.

Setelah Jepun menyerah diri pada 12hb. September, 1945, pemerintah Inggeris balik semula ke Tanah Melayu. Tetapi kali ini nyatalah kepada pihak Inggeris bahwa Tanah Melayu tidak boleh ditadbirkan seperti sebelum Perang dengan ber-macam2 chorak pemerentahan didalam satu kawasan yang kecil, dan orang2 yang tinggal dinegeri Melayu haruslah semuanya mempunyai taraf yang serupa, supaya mereka dapat menumpukan taat setia mereka kepada Tanah Melayu. Dengan ini Kerajaan Inggeris telah membuat satu chadangan untuk membentuk satu kerajaan baru diberi nama Kesatuan Tanah Melayu, yang mana,

“semua negeri2 Melayu dan negeri2 Selat Pulau Pinang dan Melaka melainkan Singapura akan disatukan. Kuasa memerintah akan terkumpul kepada kerajaan pusat, sungguhpun tiap2 negeri boleh mengadakan majlis meshuarat untuk membahaskan perkara2 yang diserahkan oleh kuasa pusat. Raja2 Melayu masih boleh duduk diatas takhta negeri tetapi mereka berhak hanya menjadi pengerusi majlis penasihat yang membinchangkan hal2 yang bersangkutan paut dengan adat dan istiadat orang Melayu dan Ugama Islam. Semua penduduk Tanah Melayu akan diberi tarap yang serupa dengan tidak ada biza-membiza diantara satu bangsa dengan satu bangsa yang lain
....”¹

Memandang kepada chadangan yang dikemukakan oleh Inggeris itu tidak hairanlah kalau ianya mendapat tentangan yang hibatt daripada orang2 Melayu. Jepun bukan saja dapat menggalakkan kesedaran politik dan kesedaran nasionalisma di Malaya dalam masa pemerentahannya yang singkat tetapi juga berjaya menukar sikap dan pandangan orang2 di Malaya terhadap Inggeris. Imej Inggeris jatuh berkechai akibat pendudukan Jepun. Semangat dan perpaduan orang2 Melayu begitu kukuh dan padu menentang Kesatuan Tanah Melayu menyebabkan rancangan

¹ Abdullah Ayub, *Chara Pemerentahan Tanah Melayu*, D.B.P., Kuala Lumpur, 1961. hal 26.

itu lumpuh dan hidup pada namanya saja diantara 1hb. April, 1946 hingga 31hb. Januari, 1948.

Pihak Inggeris mempunyai niat dan tujuan yang tertentu bila mengemukakan chadangan Malayan Union tersebut. Sebelum perang Jepun berakhir lagi pejabat tanah jajahan di Britain mengambil berat tentang keadaan di Malaya, yang mana daripada sudut pandangan ketenteraan sembilan buah negeri yang berasingan, dengan raja2 mereka, walau pun empat daripadanya bersekutu, dan tiga buah negeri2 Selat menjadikan negeri itu lebeh lemah daripada sepatutnya. Dijangkakan oleh pegawai2 Inggeris bahawa jika semua negeri ini dan juga negeri2 Selat yaitu Melaka dan Pulau Pinang disatukan negara pada keseluruhannya menjadi lebih kuat.

British yakin bahawa pehak berikat akan beroleh kemenangan melawan Jepun. Pengambilan Malaya semula memberi peluang keefmasan kepada Kerajaan British untuk mengubah chara2 pentadbiran di Malaya sebelumnya. Ini adalah disebabkan bahawa struktur negeri dan pentadbiran adalah kusut dan sulit dan tidak mungkin dapat membuat barisan depan yang bersatu untuk menghadapi krisis2 yang runching masa yang akan datang.

Kerajaan British telah menganggap bahawa, "Keadaan pentadbiran moden yang makin bertambah kompleks, ekonomi dan pembangunan sosial berkehendakkan sistim-kerajaan yang tidak kaku dan kekok; boleh mengadakan perkhidmatan yang serupa, dan dapat menggunakan boroh2 dan waktu dengan lebeh menguntungkan. Jika kembali semula kepada kedudukan lama adalah berlawanan dengan kehendak2 wilayah dan penduduknya dalam dunia selepas perang"²

Fragmentasi dan lebeh2 lagi terutama sekali peringkat2 pengawalan yang berlainan dikawasan2 yang berlainan menyebabkan sistem pentadbiran janggal, mahal dan tidak memuaskan. Pentadbiran yang chekap terhadap semua perkara beranchangan2 yang penting terutama sekali industri bijeh dan getah, yang mana hasilnya adalah begitu penting bukan sahaja kepada Malaya tetapi kepada seluruh Empire British tidak dapat dijalankan. Salah satu daripada chara untuk melichinkan dan memajukan Malaya adalah dengan menjajah sechara keseluruhan kepada peringkat yang belum lagi dibuat. Malaya berkehendakkan perbelanjaan yang besar terutama sekali untuk membangunkan

² Simandjuntak, B., *Malayan Federalism 1945-1963*, Oxford University Press, London, New York, 1969, ms. 36.

negeri dan memulihkannya akibat daripada peperangan yang telah berlaku. Jadi jika ditinjau sechara sepintas lalu keterangan² yang disebut diatas membawa pengertian bahawa matalamat British dalam rancangan Malayan Union ialah untuk kesetabilan politik dan perkembangan ekonomi Tanah Melayu. Setelah Malayan Union dikemukakan jelas terbukti bahawa penjelmaan Inggeris di Tanah Melayu selepas kekalahan Jepun adalah untuk meneruskan chengkaman kukunya keatas bumi tanah ayer, tanpa mengambil perhitungan yang teliti terutama sekali masaalah penduduk dan perasaan mereka.

Dalam membicarakan berkenaan unsur² Malayan Union dan peri pentingnya unsur² itu satu perkara yang patut diperhitungkan bersama ialah polisi kerajaan Inggeris terhadap tanah jajahannya. Diantara tahun 1943—1945 British telah mengubah dasar polisi tanah jajahannya. Ini adalah disebabkan terutama sekali idea berkenaan kemerdekaan yang makin bertiuip dengan kenchangnya. Seperti lain² negeri juga Inggeris sedar bahawa lambat laun Malaya mesti diberi juga hak kemerdekaannya. Jadi di Malaya Pejabat Tanah Jajahan Inggeris menghadapi dua masaalah. Yang pertama menchari penyelesaian masaalah untuk menchapai kemerdekaan. Sebaknya pula hasil getah dan bijeh timah di Malaya memainkan peranan utama dalam ekonomi British. "*Malayan rubber and tin were going to be — and were — the higgest single items to fill the tremendous dollar gap which opened between Britain and her American allies after 1945*³. Oleh sebab itu apabila Malayan Union dihadangkan Singapura tidak dimasukkan bersama dalam kesatuan itu kerana British sedar bahawa sekiranya Malaya menchapai kemerdekaan ia pasti berada dalam **kawasan** sterling dan dibawah lingkungan Commonwealth. Kuasa British yang ada diwaktu itu akan sedikit sebanyak mempengaruhi situasi di Tanah Melayu. Dengan ini juga Inggeris berharap Singapura akan dijadikan koloninya buat seberapa lama yang boleh untuk mengawasi kepentingan British dirantau ini. "*The British may also have wished to safeguard their Singapore naval base from objections by a future government of an independent Malaya.*"⁴

Selain daripada hal² yang telah dikemukakan ada lagi latar belakang lain yang menyebabkan Inggeris begitu ingin dan tergesa² mengajukan dasar Malayan Union ini. Selepas Januari, 1942 timbul perasaan tidak senang diantara kalangan orang² Inggeris terhadap orang² Melayu teruta-

³ Allen, J. deV., *The Malayan Union*, Yale University Southeast Asia Studies, 1967, ms. 8.

⁴ Miine, R.S., *Government and Politics in Malaysia*, The University of British Columbia, 1967, ms. 29.

ma sekali raja2, menuduh mereka semua bersubahat dengan Jepun dan menyebabkan kejatuhan Inggeris dengan senang. "*They were collaborators, it was claimed, and it was for this reason and not because of any shortcomings in the European population that the Japanese advance had been so swift and easy*".⁵ Ayat ini memperlihatkan sikap Inggeris bahawa mereka menganggap Tanah Melayu ini seolah-olah hak mereka dan segala kegiatan² yang bertentangan dengan kerajaan Inggeris dituduh sebagai subahat. Walhal orang² di Malaya tidak berpendapat demikian. Inggeris dan Jepun adalah sama dalam ertikata bahawa mereka kedua² adalah penjajah. Dengan bekerjasama dengan Jepun tidak bererti menderhaka kepada Inggeris. Raayat berhak menentukan sendiri nasib hadapan mereka. Dalam keadaan marah kepada orang² Melayu mungkin timbul perasaan belas kesian kepada orang² China yang telah dilayan dengan buruk oleh Jepun. Jadi Malayan Union dianggap sebagai satu denda terhadap orang² Melayu.

Mungkin juga pehak pembuat polisi di Britain tahu berkenaan adanya rancangan diantara ketua² Melayu seperti Ibrahim Yaacob dan Dr. Burhanuddin yang ingin menggabungkan Tanah Melayu dengan Indonesia sebelum atau selepas Jepun meninggalkan negeri ini. Seperti yang terchatit dalam buku *The Malayan Union* oleh J. deV Allen, Dr. Burhanuddin berkata, "*We the Malays in Malaya, are with loyalty in full support of the idea of a single Motherland, with Malaya as part of free Indonesia*"⁶. Jadi sebelum Malaya terlepas kepada kuasa lain atau pun diseret kearah lingkungan dan pengaruh yang lain ada lebeh baik pada pendapat mereka. British menggunakan peluang keemasan yang ada untuk menchengkam semula Malaya dengan chara pemerintahan baru yang bergelar Malayan Union itu. Tujuan untuk menyatukan Malaya dengan Indonesia mendapat perhatian berat daripada pehak British. Pergerakan ini menchapai climax di Taiping pada 12hb, Ogos, 1945, apabila Ibrahim Yaacob dan Dr. Burhanuddin bertemu dengan Dr. Hatta dan Soekarno dan berjanji untuk menghantar delegasi seramai delapan orang ke Jakarta untuk menyertai dalam pengistiharan kemerdekaan oleh Soekarno seminggu kemudian. Delegasi mengandungi empat orang ahli politik dan empat orang raja yaitu Sultan Abu Bakar daripada Pahang, Sultan Abd. Aziz daripada Perak, Tengku Mahkota Johor, dan sama ada Sultan Musaeddin daripada Selangor atau Datuk Bandar Sungai Ujong.

⁵ Allen, J. deV., *The Malayan Union*, ms. 9.

⁶ Allan, J.deV., *The Malayan Union*, m.s. 10.

Dengan mengetahui latar belakang ini kita dapat beberapa kesimpulan. British bukan sahaja menhadang untuk membuat revolusi yang sepenuhnya dalam pola pentadbiran Tanah Melayu tetapi juga mengharapkan rancangan untuk mendesak melalui tindak tanduk yang gugat dan mengejutkan dengan mengadakan perbincangan² yang paling minima atau tidak langsung. Adalah dijangka hingga sampai kepada ketika Jepun menyerah kalah, Malaya mestilah dibebaskan seperti Burma secara kekuatan military. Oleh yang demikian dakwaan Mac Michael bahawa raja² Melayu diberi masa yang cukup untuk perbincangan berkenaan Malayan Union adalah tidak benar sama sekali. Pihak British telah membuat tekad bahawa Malayan Union mesti diadakan walau dengan apa cara jua pun.

Tujuan utama British terhadap Malayan Union ialah untuk mengintegrasikan masyarakat China yang besar dan juga masyarakat India yang kecil kepada satu ketatanegaraan Malayan dan untuk menchipta perasaan keMalayaan. Unsur ini adalah penting kerana dimasa² sebelumnya orang² China dan India kebanyakannya masih menumpukan taat setia mereka kepada negeri asal. Dengan adanya keistimewaan² yang ada dalam Malayan Union seperti kewarnegaraan melalui Jus Soli Ingeris berharap orang² ini dapat menumpukan taat setia mereka kepada Malaya. Kelonggaran berkenaan kewarnegaraan, dan kemudahan² yang lain yang didapati oleh kaum² mendatang telah mendapat tentangan yang hebat daripada peribumi² Malaya.

Tujuan jangka pendek Malayan Union yang kedua ialah memansuhkan segala struktur pemerintahan sebelum perang; sepuluh unit kerajaan, tiga peringkat pentadbiran, pemerintahan tak langsung melalui Sultan dll. lagi digantikan dengan satu negara tunggal yang dikuasai oleh satu pusat dengan Singapura satu negeri tambahan yang berlainan. Dari segi ekonomi dan pentadbiran ini adalah baik sekali. Tetapi ini adalah malang sekali kepada raja² Melayu kerana kuasanya telah dilucutkan. Orang² Melayu juga merasa amat kechiwa kerana hak² mereka sebagai anak bu-miputera telah hapus dan kedudukan mereka adalah sama dengan kaum² mendatang yang lain.

Dalam tujuan jangka panjang pula Malayan Union ditubuhkan ialah untuk membawa Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dalam lingkungan British. Hal ini sukar untuk dimengerti. Dengan adanya Malayan Union Tanah Melayu diletakkan setapak lebih mundur kebelakang untuk mencapai kemerdekaan. Tanah Melayu tidak lagi menjadi negeri naungan British bahkan akan menjadi sebuah koloni.

Dalam membinchangkan berkenaan Malayan Union James deV. Allen telah mengemukakan empat teori. Teori pertama dipanggil *theory conspiracy*. Katanya Malayan Union memang sengaja dijadikan umpan (*decoy*) untuk menyedarkan semangat kebangsaan orang2 Melayu dan dijadikan pengimbangan kepada anchaman komunis China. Sebelum 1941 Sultan menjadi penimbal diantara orang2 Inggeris dengan orang2 China. Pada tahun 1945 diharapkan parti kebangsaan Melayu akan memainkan peranan itu. Bukti teori ini dapat dilihat dalam kerjaya Allah Yarham Datuk Onn bin Jaafar, pada tahun 1945 dan kemudiannya. UMNO yang walau pun menjadi parti lawan kepada kerajaan British tidak diancham, disekat perjalanannya atau pun dibubarkan malahan diberi kebenaran untuk mengadakan meshuarat2 dan membuat penyusunan2 sechara terbuka pada tahun 1946 dan kebanyakan daripada pemimpinnya adalah pegawai2 kerajaan.

Teori kedua dipanggil teori strateji. Ini adalah diandaikan bahawa keputusan2 penting yang diambil oleh pihak British dalam tahun2 1945 adalah berdasarkan lebeh dari segi ketenteraan daripada segi politik. Singapura pada tahun 1945 adalah menjadi tapak pertahanan British disebelah sini. Singapura diasingkan daripada Malayan Union adalah untuk kepentingan British jangka panjang.

Teori yang ketiga dipanggil *Big Business* teori. Ini ialah disebabkan pengeluaran getah dan bijeh adalah penting pada Britain dalam tahun 1945. Kebanyakan daripada peniaga2 dan pedagang2 yang besar tidak puas hati dengan keadaan pemerintahan sebelum tahun 1941. Mereka menuntut supaya pemerintahan di Malaya mesti dikuasai oleh orang2 Eropah. Dengan ini perniagaan dan kepentingan perniagaan mereka adalah terjamin.

Teori yang keempat ialah teori sahsiah (*personality theory*). Diperchayai bahawa ada perselisihan faham diantara Gent dan Mac Donald. Walau bagaimanapun teori ini adalah kaku dan sekiranya pun teori ini ada ia adalah amat mengelirukan dan sukar difahami.

Walaupun bagaimanapun alasan2 yang dikemukakan Inggeris memang bertujuan untuk mengambil alih Malaya dengan apa jalan sekali pun. "*That the British not only intended a complete revolution in the Malayan administrative pattern but also, anticipating some opposition, planned to push the new constitution through by shock tactics with the minimum of consultation or less. It was presumed, right up to the Japanese surrender, that Malaya would have to be liberated, like Burma, by military force.*"⁶ Inggeris telah memperkecil-kecilkan raayat Malaya dan jangkakan mereka bahawa orang2 Melayu terutama sekali dapat diperkutakattikkan adalah

⁷ Allan, j.deV., *The Malayan Union*, m.s. 10.

silap samasekali. Satu lagi andaian Inggeris yang ternyata gagal ialah dalam menjalankan polisi berkenaan kewarganegaraan yang dipanggil *Charity Principle*. Kewarganegaraan akan diberi kepada sesiapa sahaja yang diam di Tanah Melayu, tidak kira taat setia yang ada pada masa itu dengan mengharapkan bahawa taat setia yang akan datang dapat dimenangi dan ditawan dengan isyarat yang dermawan. Tetapi setelah Malayan Union diistiharkan chadangan berkenaan kewarganegaraan tidak begitu menarek perhatian orang2 China. Mereka sebok dengan perpisahan dalam kepimpinan dan hal2 yang berlaku dinegeri China.

Jadi pada pendapat saya pada keseluruhannya unsur2 yang menyebabkan Kerajaan British mengemukakan Kesatuan Tanah Melayu adalah berpuncha dari keinginan British untuk bertapak semula di Tanah Melayu demi kepentingan politik dan ekonominya. Konsep berkenaan penyatuan Malaya memang sudah ada sejak zaman Clementi lagi yaitu diawal2 tahun 1930.

Unsur2 yang dikemukakan dipandang sechara sepintas lalu agak begitu menarik. Tetapi chara chadangan itu dilaksanakan jelas membawa keraguan tentang hakikat British yang sebenarnya. Implikasi unsur2 ini terhadap Tanah Melayu dan terutama sekali orang Melayu adalah buruk sekali. Ini adalah kerana jika Malayan Union berjaya Tanah Melayu akan diturunkan keperingkat koloni, raja2 dibawah kuasa Gabenor-Jeneral, undang2 ditandatangani dan disahkan oleh Gabenor bukan oleh Sultan, dan keistimiwaan orang2 Melayu dengan sendirinya lenyap ditanah tumpah darahnya sendiri. Andaikata Malayan Union dapat berjalan dengan jayanya mungkin keadaan politik dan negara pada hari ini tidak berada seperti yang kita lihat sekarang. Satu hal yang mungkin pasti ialah, bangsa Melayu dan hak ketuanannya serta keistimewaannya sudah lama ditelan zaman. Memandang dari sudut ini rancangan Kesatuan Tanah Melayu chiptaan Inggeris boleh dianggap sebagai '*a blessing in disguise*'.